

SANUSI

KUALA LUMPUR, 15 OGOS (BERNAMA) -- PERJUMPAAN PARA PEMIMPIN UMNO DENGAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AHAD INI MERUPAKAN PERJUMPAAN BIASA YANG AKAN MEMBINCANGKAN KEADAAN POLITIK SEMASA, KATA SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID HARI INI.

KATANYA PERJUMPAAN DENGAN KETUA-KETUA UMNO BAHAGIAN, PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO SEUMPAMA ITU DIADAKAN DUA KALI SEBELUM INI BAGI TUJUAN YANG SAMA.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR BERKATA PERJUMPAAN KALI PERTAMA IALAH BAGI MENGHURAIKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN KALI KEDUA MENGENAI MESYUARAT AGUNG PEMILIHAN SEMULA JAWATANKUASA PERINGKAT BAHAGIAN.

+ PERJUMPAAN AHAD INI MERUPAKAN PERJUMPAAN BIASA BAGI MENGHURAIKAN KEADAAN POLITIK SEMASA DAN SAYA YAKIN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PRESIDEN PARTI AKAN MEMBERITAHU PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO ITU MENGENAI APA-APA KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT DALAM MESYUARAT BN SEHARI SEBELUMNYA, + KATANYA.

BELIAU BERRCAKAP DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN PERTANDINGAN REKABENTUK TAMAN KARYANEKA DI SINI.

DATUK SERI SANUSI BERKATA, DALAM PERBINCANGAN ITU PENUMPUNGAN AKAN DIBERI KEPADA MENGHIDUPKAN SEMANGAT NASIONALISME SESUAI DENGAN TEMA HARI KEBANGSAAN TAHUN INI + NASIONALISME TERAS PERPADUAN +. -- LAGI.
1252MST 15 08 85

SANUSI 2 KUALA LUMPUR

SEMASA DITANYA SAMA ADA PERTEMUAN ITU AKAN MEMBINCANGKAN MASALAH MCA, BELIAU BERKATA UMNO TIDAK PERNAH MEMBINCANGKAN MASALAH PARTI-PARTI KOMPONEN ATAU KRISIS MCA.

WALAU BAGAIMAPUN, BELIAU BERKATA PERWAKILAN UMNO DALAM BN TELAH MENDAPAT MANDAT YANG PENUH DARIPADA BIRO POLITIK DAN MAJLIS TERTINGGI YANG MENYOKONG APA SAHAJA KEPUTUSAN YANG DIBUAT DEMI KEBAIKAN BN.

+ MANDAT ITU BERASASKAN KEYAKINAN DAN TERAS DAN TERSERAHLAH KEPADA WAKIL UNTUK BERBINCANG DAN MEMBUAT KEPUTUSAN, + KATANYA.

KEMUDIAN KETIKA DITANYA SAMA ADA PERJUMPAAN ITU ANTARA LAIN AKAN MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN PILIHANRAYA DIADAKAN LEBIH AWAL, DATUK SERI SANUSI BERKATA SETAKAT INI PERKARA ITU BELUM DIFIKIRKAN LAGI. --
BERNAMA

1254MST 15 08 85